

[FOTO SURIANIE MOHD HANIF/BH]



Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah menyampaikan Anugerah Khas Akademia Putra kepada Tengku Aizan sambil diperhatikan Naib Canselor UPM, Prof Datin Paduka Dr Aini Ideris (kiri) pada majlis Gemilang Akademia Putra 2015 (MGAP) di Dewan Besar PKKSSAAS, UPM.

Profil

Prof Tengku Aizan Hamid

- **Jawatan:** Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia UPM
- **Usia:** 59 tahun
- **Asal:** Kota Bharu, Kelantan
- **Pendidikan:**
 - **Pascasiswazah** dalam bidang Perkhidmatan Keluarga, Iowa State University, Amerika Syarikat.
 - **Ijazah Doktor Falsafah (PhD)** - Pembangunan Manusia dan Kajian Keluarga dengan minor Gerontologi Iowa State (ISU) pada 1992.
- **Pencapaian:**
 - **Mengetuai lebih** 20 projek penyelidikan.
 - **Lebih 40 kajian** di peringkat

kebangsaan dan antarabangsa berkaitan isu warga emas.

- **Menjalankan pelbagai** projek penyelidikan, pakar runding dan program khidmat masyarakat dengan Bank Dunia, Pertubuhan Kesihatan Dunia (WHO), Program Tabung Penduduk Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA), Pertubuhan Pendidikan, Kebudayaan dan Sainifik Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNESCO).
- **Terbabit merangka** dan memurnikan Kuala Lumpur Declaration on Ageing yang ditandatangani oleh Ketua-Ketua Negara ASEAN, pada November 2015.

Tengku Aizan perkasa warga emas

→ Pengarah MyAgeing UPM lakukan banyak kajian peringkat kebangsaan, antarabangsa berkaitan isu penuaan

Oleh Nor Afzan Mohamad Yusof
afzan@bh.com.my

▀ Serdang

Memperjuangkan isu berkaitan penuaan memerlukan kerja keras, kajian dan bukti kukuh mengenai kepentingannya supaya warga emas turut menjadi agenda utama negara.

Itulah cabaran paling getir dilalui Pengarah Institut Penyelidikan Penuaan Malaysia (MyAgeing), Universiti Putra Malaysia (UPM), Prof Tengku Aizan Hamid, 59, untuk meyakinkan kerajaan dan rakyat mengenai masalah penuaan yang mula diterokai beliau sejak lebih 30 tahun lalu.

Hasil kajian dan penyelidikan beliau banyak digunakan dalam membentuk dasar warga emas di negara ini.

Malah, kredibiliti ditonjolkan Tengku Aizan cukup meyakinkan hingga kerajaan melakukan penjenamaan semula Institut Gerontologi (IG) kepada MyAgeing; pada Mac 2015, sekali gus diberi penarafan kebangsaan.

Tengku Aizan sememangnya layak diangkat sebagai tokoh disegani.

Beliau menegaskan tidak akan berhenti memperjuangkan mengenai kepentingan warga emas.

Katanya, unjuran Jabatan Perangkaan menunjukkan Malaysia akan menjadi sebuah 'negara tua' pada 2030, apabila jumlah warga emas berusia 60 tahun ke atas melebihi 15 peratus daripada jumlah keseluruhan populasi negara.

"Peningkatan ini akan memberi kesan sama ada pada diri, keluarga dan masyarakat. Kalau kita tidak berbuat sesuatu, warga emas ha-



Tengku Aizan

nya akan dianggap beban pada negara. Di sini pentingnya penyelidikan berkaitan warga tua dan penuaan di Malaysia melalui pendekatan multidisiplin dalam bidang ini supaya kita bersedia," katanya kepada BH.

Pakar penuaan

Sebagai pakar tunggal dalam bidang itu di negara ini, beliau sentiasa 'menghidu' isu berkenaan sejak menjadi pensyarah di Jabatan Pembangunan Manusia dan Kajian Keluarga, Fakulti Pertanian, pada Disember 1983.

Dilantik sebagai ketua program Gerontologi pada 2001, kegigihan beliau membuahkan hasil apabila IG ditubuhkan, pada 1 April 2002 dalam melonjak dan mengarusperanakan bidang Gerontologi yang dianggap baharu di negara ini.

Beliau turut terbabit dalam

penggubalan kurikulum Asas Perkhidmatan Gerontologi dan Geriatrik sebagai subjek opsyen vokasional untuk pelajar sekolah menengah, malah turut dilantik menjadi tenaga pengajar kursus berkaitan penuaan di pelbagai universiti tempatan.

Kepakaran beliau dalam bidang berkenaan, turut diiktiraf pada peringkat antarabangsa, antaranya dilantik sebagai Prof Adjung di School of Physiotherapy, Faculty of Health Sciences, University of Curtin, Australia (2013-2016) dan International Tutor, International Institute on Ageing, United Nations-Malta.

Fahami warga emas

Tengku Aizan mengakui penuaan bukan isu popular, tetapi pengabaian terhadapnya suatu penganiayaan yang bukan sahaja pada

warganya, tetapi negara.

Ketika ini demografi mencatatkan hayat penduduk makin panjang dengan wanita 78 tahun, manakala lelaki 72.

"Orang selalu bertanya pada saya apa yang menariknya mengenai isu ini. Jawapan saya, mudah saja. Kita akan melalui tua dan meletakkan diri saya dalam menghadapi situasi itu dan akan terus berjuang mengenainya," katanya.

Beliau juga menyedikan pelan pembangunan 10 tahun untuk warga emas kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

"Pelan ini menentukan hala tuju dan program kerajaan dan masyarakat untuk memperkasa warga emas. Sejak 1980-an isu ini di peringkat dunia, tetapi kita baru saja mula memberi fokus, bererti masih banyak yang perlu kita lakukan untuk memperkasa isu ini," katanya.

Selain kemiskinan, masalah mental juga antara tertinggi dalam kalangan warga emas.

Justeru Tengku Aizan berharap negara berupaya melahirkan generasi celik dan bersedia menghadapi isu penuaan.

"Rakyat Sweden membayar cukai hingga 70 peratus untuk mendapatkan kemudahan dan perkhidmatan sosial. Berbeza negara ini belum mampu melakukannya. Kita perlu mengkaji semula model pembiayaan untuk perkhidmatan antaranya membangunkan insurans sosial untuk warga negara," katanya.

"Program University of the Third Age (U3A) yang kami usahakan adalah inisiatif pembelajaran sepanjang hayat untuk warga emas yang diperkenalkan pada 2008. Program ini adalah berteraskan falsafah 'oleh warga emas, untuk warga emas'," katanya



NEGARAKU